

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

Zahiah Haris @ Harith, Mustapha Kamal Ahmad Kassim & Muaaz Muhammad

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi guru pelatih terhadap kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana dapat memberikan maklumat yang bermanfaat untuk meningkatkan kualiti proses PdP TITAS. Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang guru pelatih yang terdiri daripada dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka merupakan guru pelatih semester satu,ambilan Januari 2014, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Data dianalisis secara kualitatif. Kajian ini juga memfokuskan dua objektif iaitu kaedah yang digunakan dan masalah dalam proses PdP TITAS. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kaedah PdP TITAS yang digunakan dalam PdP TITAS di IPGKIK ialah kaedah pembentangan, perbincangan, soal jawab, dan forum pelajar yang menunjukkan wujudnya hubungan dua hala antara guru pelatih dengan pensyarah TITAS. Seterusnya, dapatan kajian objektif kedua pula ialah masalah yang dihadapi oleh guru pelatih dalam proses PdP TITAS. Antaranya termasuklah kekangan masa dan tajuk pembentangan yang diperolehi tidak sesuai dengan sesebuah kumpulan serta terdapat fakta yang tidak difahami.

Kata Kunci: *kaedah pembelajaran dan pengajaran, TITAS*

Pengenalan

Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan kursus teras yang wajib dipelajari oleh semua guru pelatih dalam semester satu, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Kursus ini dipelajari dalam tempoh masa 30 jam, iaitu bersamaan dua kredit. Kursus ini memfokuskan pengenalan ilmu ketamadunan, konsep asas Tamadun Islam, interaksi antara pelbagai tamadun, Islam dalam Tamadun Melayu, tokoh-tokoh Tamadun Islam dan Asia, interaksi Tamadun Asia dan relevansinya di Malaysia dan di dunia, isu-isu kontemporari Tamadun Islam dan Tamadun Barat, Islam Hadhari dan proses pembangunan negara.

Antara hasil pembelajaran kursus ini termasuklah untuk menjelaskan latar belakang kebudayaan, pemikiran, dan sejarah kemajuan tamadun bangsa-bangsa di dunia seperti tamadun China, India, Jepun, dan Islam. Hasil pembelajaran yang kedua pula adalah untuk mewujudkan hubungan mesra dan persefahaman sejagat dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum yang hidup secara harmoni, saling memahami, saling menghormati, dan bekerjasama antara satu dengan yang lain. Seterusnya hasil pembelajaran ketiga ialah pengaplikasian ilmu pengetahuan dan ketahanan diri yang membolehkan mereka memahami serta menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa. Hasil pembelajaran keempat pula menuntut guru pelatih mengamalkan prinsip-prinsip Islam Hadhari bagi memantapkan proses pembangunan negara dan mampu menghadapi perkembangan global. Hasil pembelajaran yang kelima adalah untuk mempamerkan jati diri Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang mengamalkan nilai-

nilai murni dalam kehidupan. Hasil pembelajaran terakhir pula bertujuan untuk mempamerkan keupayaan refleksi sendiri dengan menjadikan kejayaan tamadun serta tokoh-tokoh utama yang silam sebagai *role-model* (Bahagian Pendidikan Guru, 2005).

Sehubungan dengan itu, kajian yang berkaitan dengan kursus TITAS telah dilaksanakan oleh (Siti Hajar & Ratna Roshida, 2012). Pengkaji mendapati pengisian, pengaruh, dan kerelevanan Tamadun Cina dalam genre sastera dapat dimanfaatkan dalam usaha menjana pembinaan Tamadun Malaysia. Kajian lain pula yang dilakukan oleh Mohamad Azhari, Siti Norazilah, Surena, Nor Hasniah, Aina Razlin, Edris, Ida Juliana dan Zulmahari (2012) bertujuan untuk mengutarakan cadangan penambahbaikan kursus yang sedia ada. Contohnya, dialog antara agama oleh wakil agama dan pembentangan isu ketamadunan dalam kolokium oleh para guru pelatih bagi memantapkan proses PdP TITAS. Kajian yang dilakukan oleh Zarina (2007) mendapati pelaksanaan kaedah *student-centred learning* (SCL) dalam PdP Kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia (UPM) memberikan kesan yang positif dan mendapat peratus penerimaan yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Penyataan Masalah

Kursus TITAS telah diperkenalkan pada tahun 2005, iaitu bermulanya PISMP bagi kohort yang pertama. Hal ini bererti sudah hampir sepuluh tahun kursus ini diajarkan kepada guru pelatih di semua Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Kursus ini diajarkan oleh pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Penilaian bagi kursus ini dilaksanakan melalui kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah kepada guru pelatih dalam tempoh yang ditentukan dan Ujian Akhir Kursus (UAK) pada akhir semester satu. Berdasarkan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dalam proforma TITAS jelas menunjukkan bahawa kursus ini amat bermanfaat kerana memberikan ilmu pengetahuan tentang TITAS agar kejayaan tamadun lalu boleh dijadikan panduan bagi generasi sekarang dan akan datang.

Untuk memastikan hasil pembelajaran yang telah digariskan dapat dicapai, sudah tentu penekanan kepada kaedah PdP TITAS hendaklah diberikan perhatian sewajarnya. Bagaimanapun, penelitian masalah yang wujud dalam proses PdP TITAS juga perlu mengambil kira persepsi guru pelatih bagi membaiki kelemahan agar masalah tersebut tidak menjadi penghalang kepada pencapaian hasil pembelajaran kursus ini. Sampel kajian dalam kajian ini ialah seramai 40 orang guru pelatih semester satu, ambilan Januari 2014. Walaupun mereka ini berada dalam semester satu, persepsi mereka sebagai seorang guru pelatih perlu diberi perhatian kerana mereka sudah belajar selama tiga semester dalam Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) sebelum ini. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk memperoleh persepsi yang bernas daripada subjek kajian yang merupakan guru pelatih secara langsung dalam kursus TITAS ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian ini agar dapat memperolehi maklumat daripada guru pelatih tentang kaedah dalam proses PdP TITAS dan masalah dalam proses PdP TITAS di IPGKIK.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- i. mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap kaedah yang digunakan dalam proses PdP TITAS di IPGKIK.
- ii. mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap masalah yang dihadapi dalam proses PdP TITAS di IPGKIK.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kes ialah sejenis kajian untuk mengkaji dan menjelaskan satu kelompok yang kecil secara mendalam. Kajian kes ini juga melibatkan pengumpulan maklumat yang ektensif untuk memahamkan sesuatu entiti yang dikaji. Maklumat yang dikumpulkan mungkin tentang seseorang individu, organisasi, dan situasi. Contohnya, kajian kes klinikal ataupun sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang sama ataupun tentang sesuatu situasi, iaitu tingkah laku yang tidak dijangka atau tidak jelas dijadikan sebagai fokus kajian (Sabitha Marican, 2009). Kajian kes juga merupakan strategi reka bentuk kajian yang paling berkesan kerana memiliki ciri-ciri kesahan yang tinggi (Creswell, 2003). Kajian kes juga bertujuan memahami hal-hal yang sebenar, realiti sosial dan persepsi guru yang wujud, tanpa diganggu oleh pengukuran formal atau soalan-soalan yang ditentukan terlebih awal (Guba & Lincoln, 1981). Kajian kes juga memiliki kekuatan berbanding dengan metodologi kajian lain kerana berasaskan realiti sebenar (Burns, 2000). Pemilihan kajian kes ini dipilih disebabkan bersesuaian dengan objektif kajian dan untuk mendapatkan kefahaman mendalam tentang sesuatu situasi yang terlibat melalui pandangan pengkaji (Meriam, 1998). Sehubungan dengan itu, pemilihan kajian ini sebagai kajian kes amat bersesuaian kerana bertujuan untuk meneliti kaedah dan masalah dalam proses PdP TITAS di IPGKIK.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini ialah sampel bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan enam orang guru pelatih, iaitu dua orang lelaki dan empat orang perempuan yang terlibat secara langsung dalam proses PdP TITAS di IPGKIK. Bilangan keseluruhan guru pelatih semester satu, ambilan Januari 2014, PISMP yang wajib mengambil kursus ini ialah seramai 40 orang. Hal ini berlaku kerana TITAS merupakan kursus teras yang wajib dipelajari oleh guru pelatih pada semester satu, dalam tempoh pengajian PISMP selama empat tahun. Sampel kajian dalam kajian kualitatif dipanggil juga sebagai subjek kajian.

Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur berasaskan kepada objektif kajian ini. Satu set protokol telah disediakan untuk mendapatkan maklumat. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan menemu bual enam orang guru pelatih tersebut. Temu bual dijalankan dengan guru pelatih setelah mereka mengikuti proses PdP selama 12 kali daripada 15 kali keseluruhan PdP untuk kursus TITAS ini. Temu bual tersebut dicatat oleh pengkaji. Seterusnya pengkaji menganalisis hasil temu bual untuk mendapatkan tema-tema yang berkaitan dengan kajian ini.

Analisis Data

Data telah dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema yang wujud daripada persoalan-persoalan kajian tersebut.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Persepsi guru pelatih terhadap kaedah yang digunakan oleh pensyarah TITAS dalam proses PdP di IPGKIK

Jadual 1

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kaedah yang Digunakan oleh Pensyarah TITAS dalam Proses PdP di IPGKIK

Subjek Kajian	Penyataan
1	Pensyarah menggunakan kaedah yang pelbagai mengikut kesesuaian tajuk. Antaranya termasuklah kaedah pembentangan guru pelatih, kaedah soal jawab antara guru pelatih dengan pensyarah, forum guru pelatih serta lontaran idea oleh pensyarah bagi menjana pemikiran aras tinggi oleh guru pelatih.
2	Kaedah dua hala, iaitu interaksi pensyarah dengan guru pelatih. Guru pelatih membuat pembentangan dan berkongsi pengajaran di dalam kelas dan membuat perbincangan tentang topik.
3	Pensyarah melakukan kaedah dua hala serta memberikan tugas kepada guru pelatih seperti soalan-soalan dan pembentangan yang dilakukan oleh guru pelatih.
4	Pensyarah meminta guru pelatih menggunakan kaedah pembentangan secara individu dan berpasangan.
5	Kaedah yang digunakan lebih berpusatkan guru pelatih, iaitu guru pelatih akan membuat pembentangan, kemudian pensyarah akan memberikan input tambahan kepada guru pelatih.
6	Kaedah yang digunakan pembentangan dan penerangan. Cara ini didapati amat berkesan kerana guru pelatih dapat memahami perihal sesuatu perkara yang dibincangkan dengan lebih mendalam.

Sumber. Temu bual dengan subjek kajian.

Terdapat tiga kaedah yang digunakan dalam proses PdP TITAS di IPGKIK, iaitu kaedah pembentangan, perbincangan, soal jawab, dan forum antara pelajar. Semua subjek kajian yang ditemu bual seramai enam orang menyatakan kaedah pembentangan telah digunakan dalam proses PdP TITAS di IPG KIK. Hal ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 1, iaitu "...*Pensyarah menggunakan kaedah yang pelbagai mengikut kesesuaian tajuk. Antaranya termasuklah kaedah pembentangan guru pelatih...*" Begitu juga subjek kajian 2 yang menyatakan "...*Guru pelatih membuat pembentangan...*" dan subjek kajian 3 pula menyatakan "...*dan pembentangan yang dilakukan oleh guru pelatih...*". Seterusnya subjek kajian 4 mengulas perkara yang sama iaitu "*Pensyarah meminta guru pelatih menggunakan kaedah pembentangan secara individu dan berpasangan.*" Subjek kajian 5 juga menyatakan "*Kaedah yang digunakan lebih berpusatkan guru pelatih, iaitu guru pelatih akan membuat pembentangan...*" dan subjek kajian 6 pula berkata "*Kaedah yang digunakan pembentangan dan penerangan. Cara ini didapati amat berkesan kerana guru pelatih dapat memahami perihal sesuatu perkara yang dibincangkan dengan lebih mendalam.*" Menerusi temu bual ini jelas menunjukkan bahawa kaedah pembentangan selalu digunakan dalam PdP TITAS kerana kaedah ini dapat mewujudkan hubungan dua hala antara pelajar dengan pensyarah. Melalui kaedah ini juga pelajar menjadi lebih memahami kerana pelajar akan membuat persediaan sebelum pembentangan.

Kaedah kedua yang digunakan dalam proses PdP TITAS di IPGKIK ialah perbincangan. Hal ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 2, iaitu:

"Kaedah dua hala, iaitu interaksi pensyarah dengan guru pelatih. Guru pelatih membuat pembentangan dan berkongsi pengajaran di dalam kelas dan membuat perbincangan tentang topik." (SK2)

Selepas pembentangan yang dilaksanakan oleh guru pelatih dalam kelas PdP TITAS, wujud perbincangan dua hala antara guru pelatih dengan pensyarah TITAS tentang tajuk yang dibentangkan. Hal ini selaras dengan kata-kata subjek kajian 3, iaitu:

"Pensyarah melakukan kaedah dua hala serta memberikan tugas kepada guru pelatih seperti soalan-soalan dan pembentangan yang dilakukan oleh guru pelatih." (SK3)

Seterusnya, subjek kajian 6 berpendapat bahawa selepas pembentangan dan penerangan, guru pelatih dapat memahami sesebuah tajuk dengan lebih mendalam. Pernyataan ini berdasarkan kata-kata yang berikut:

"Kaedah yang digunakan pembentangan dan penerangan. Cara ini didapati amat berkesan kerana guru pelatih dapat memahami perihal sesuatu perkara yang dibincangkan dengan lebih mendalam." (SK6)

Kaedah ketiga yang digunakan dalam proses PdP TITAS ialah soal jawab dan forum antara guru pelatih, disebut oleh subjek kajian 1 seperti kata-kata berikut:

"Pensyarah menggunakan kaedah yang pelbagai mengikut kesesuaian tajuk. Antaranya termasuklah kaedah pembentangan guru pelatih, kaedah soal jawab antara guru pelatih dengan pensyarah, forum guru pelatih serta lontaran idea oleh pensyarah bagi menjana pemikiran aras tinggi oleh guru pelatih." (SK1)

Kaedah soal jawab yang dilakukan selepas pembentangan dapat memberikan kefahaman yang lebih kepada guru pelatih. Salah satu aktiviti yang mempunyai unsur soal jawab ialah forum antara guru pelatih seperti yang dinyatakan di atas. Melalui aktiviti ini secara langsung dapat menjana pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru pelatih.

Berdasarkan dapatan kajian objektif pertama yang telah dibincangkan di atas, jelas menunjukkan kaedah yang digunakan dalam proses PdP TITAS ialah pembentangan, perbincangan dan soal jawab. Secara keseluruhannya, kaedah yang digunakan bersifat dua hala, iaitu menunjukkan interaksi aktif antara pensyarah dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Kaedah tersebut yang berpusatkan pelajar telah membuktikan proses PdP menarik dan berkesan.

Persepsi guru pelatih terhadap masalah yang dihadapi dalam proses PdP TITAS di IPGKIK

Jadual 2

Persepsi Guru Pelatih Terhadap Masalah yang Dihadapi dalam Proses PdP TITAS di IPGKIK

Subjek kajian	Penyataan
1	Masalah yang wujud hanyalah sedikit iaitu kekangan dari segi masa kuliah kerana guru pelatih kerap terlibat dengan aktiviti luar yang menyebabkan kesukaran mengadakan kuliah mengikut jadual yang ditetapkan.
2	Sesetengah kumpulan menerima topik yang tidak sesuai.
3	Tiada masalah setakat ini kerana mata pelajaran ini menyerupai mata pelajaran Sejarah dan mudah difahami.
4	Guru pelatih tidak fokus semasa di dalam kelas ketika subjek TITAS kerana tidak memahami fakta yang dibentangkan.
5	Tiada masalah yang dihadapi.
6	Setakat ini kami tidak lagi menghadapi sebarang masalah yang ketara semasa proses pengajaran dan pembelajaran TITAS.

Sumber. Temu bual dengan subjek kajian

Dapatan kajian berdasarkan temu bual dengan subjek kajian mendapati masalah yang dihadapi dalam proses PdP TITAS di IPG KIK ialah wujudnya kekangan masa kerana guru pelatih banyak terlibat dengan aktiviti luar. Masalah ini jelas melalui kata-kata subjek kajian 1, iaitu:

" Masalah yang wujud hanyalah sedikit iaitu kekangan dari segi masa kuliah kerana guru pelatih kerap terlibat dengan aktiviti luar yang menyebabkan kesukaran mengadakan kuliah mengikut jadual yang ditetapkan."(SK1)

Masalah seterusnya ialah guru pelatih yang tidak memahami fakta yang dibentangkan dan tajuk yang diberikan tidak sesuai kepada kumpulan tertentu. Senario ini jelas dinyatakan oleh subjek kajian 2 dan 4 seperti yang berikut:

" Sesetengah kumpulan menerima topik yang tidak sesuai."(SK2)

"Guru pelatih tidak fokus di dalam kelas ketika subjek TITAS kerana tidak memahami fakta yang dibentangkan." (SK4)

Terdapat tiga orang subjek kajian yang menyatakan bahawa tidak ada masalah dalam proses PdP TITAS kerana subjek ini seperti mata pelajaran Sejarah. Penyataan ini dapat dilihat melalui kata-kata subjek kajian 3 :

"Tiada masalah setakat ini kerana mata pelajaran ini menyerupai mata pelajaran Sejarah dan mudah difahami." (SK3)

Berdasarkan dapatan kajian objektif kedua yang telah diterangkan sebelum ini terdapat dua masalah, iaitu kekangan masa dan segelintir guru pelatih yang kurang menguasai fakta atau isi kandungan topik pembentangan yang diperoleh semasa agihan tugas oleh pensyarah. Keadaan ini menyebabkan sebahagian daripada guru pelatih kurang memahami isi kandungan topik yang dibentangkan kerana pembentang kurang menguasainya.

Perbincangan Dan Implikasi

Subtopik ini menjelaskan perbincangan dapatan kajian dan beberapa implikasi terhadap kajian ini.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan semua subjek kajian bersetuju bahawa kaedah PdP TITAS yang digunakan oleh pensyarah di IPGKIK ialah kaedah pembentangan, perbincangan dan soal jawab. Ketiga-tiga kaedah tersebut merupakan kaedah yang mewujudkan hubungan dua hala antara guru pelatih dengan pensyarah TITAS. Kaedah-kaedah tersebut merupakan kaedah berpusatkan pelajar yang amat digalakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Saranan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 yang mencadangkan agar pembelajaran pelbagai mod (*blended learning*) dilaksanakan dalam proses PdP. Maksud pembelajaran pelbagai mod ialah penyepaduan pendekatan pengajaran bersemuka dan pendekatan berbantuan teknologi. Teknologi seperti video digunakan sebagai strategi pengajaran dan pendekatan pedagogi baharu bukan hanya sebagai alat bantu mengajar. Guru berperanan bukan sahaja sebagai seorang pensyarah tetapi juga sebagai seorang fasilitator dan pembimbing. Hal yang demikian, amat bertepatan dengan kaedah yang digunakan dalam proses PdP TITAS yang menggunakan kaedah pembentangan berbantuan komputer. Hal ini menjadikan proses PdP lebih menarik. Selepas pembentangan pula, guru pelatih akan berbincang tentang fakta atau isu yang terdapat dalam topik yang dibincangkan. Situasi ini selaras dengan pernyataan dalam buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025, iaitu “...waktu pengajaran di bilik darjah kemudiannya digunakan untuk aktiviti kumpulan, tugas, dan perbincangan.”

Seterusnya masalah yang dihadapi oleh guru pelatih dalam proses PdP TITAS ialah kekangan masa, dan tajuk pembentangan yang diperoleh tidak sesuai dengan sesebuah kumpulan serta terdapat fakta yang tidak difahami. Masalah kekangan masa yang dinyatakan oleh pelajar merupakan masalah yang selalu dihadapi oleh pensyarah dan guru pelatih kerana aktiviti di IPGKIK terlalu banyak. Kadang-kadang aktiviti ini bertembung dengan aktiviti yang sedia ada dan dilaksanakan secara *ad-hoc*. Hal ini menyebabkan kelas tidak dapat dilaksanakan pada masa tersebut dan perlu diganti semula. Keadaan ini memberikan kesan kepada aktiviti PdP yang telah dirancang pada awal semester. Begitu juga dengan penguasaan guru pelatih terhadap fakta sesebuah topik kurang dikuasai mungkin kerana mereka belum pernah belajar atau mengetahui topik tersebut. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pensyarah TITAS untuk memberikan panduan dan bimbingan kepada guru pelatih agar pembentangan yang dilakukan berkualiti. Senario ini bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zarina Muhammad (2007) yang memperoleh dapatan kajian yang memberangsangkan, iaitu kaedah penilaian yang menggunakan kaedah pembentangan oleh pelajar memperoleh 93.5%. Oleh itu, keadaan ini memberikan gambaran bahawa kaedah pembentangan boleh digunakan sebagai kaedah pengajaran dan kaedah penilaian untuk menilai kefahaman seseorang pelajar terhadap sesebuah mata pelajaran yang dipelajari.

Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian ini terdapat beberapa implikasi yang sepatutnya diberikan perhatian iaitu:

- i) pihak pentadbir di semua IPG disarankan agar memastikan jadual waktu untuk kurikulum diutamakan agar proses PdP tidak terganggu.
- ii) pihak pentadbir di semua IPG hendaklah memberikan perhatian kepada infrastruktur seperti kemudahan internet, bahan bacaan terkini di pusat sumber, komputer dan LCD di dalam semua kelas PdP. Hal ini bertujuan untuk memastikan proses PdP dapat dilakukan secara mudah dan berkesan.
- iii) para pensyarah TITAS hendaklah sentiasa melakukan penilaian tentang keberkesanan kursus ini dengan mendapatkan pandangan daripada guru pelatih tentang masalah dan cadangan agar kursus ini dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa secara berterusan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini ialah kursus TITAS hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya dalam aspek kaedah PdP. Hal ini penting kerana kaedah yang digunakan dalam PdP dapat memberikan kesan kepada pencapaian hasil pembelajaran. Masalah-masalah yang dikemukakan oleh guru pelatih hendaklah diberi perhatian agar kelemahan yang wujud diatasi secepat mungkin.

Rujukan

- Bahagian Pendidikan Guru. (2005). *Proforma Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Burns, R.B. (2000). *Introduction to research method*. (4th ed.). Kuala Lumpur: Longman.
- Creswell, J.W.(2003). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approach*. Thousands Oaks, CA: Sage Publication.
- Guba, E.G. & Lincoln, Y.S. (1981). *Effective evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*.Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi (2012). *Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Guru Pelatih*. Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012(RECCNI2012), Kuala Lumpur. 13-24.
- Meriam, S.B.(1998). *Qualitative research and case study: application in educations, revised and expended from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sabitha Marican. (2009). *Kaedah pengkajian sains sosial*. Malaysia: Pearson Malaysia, Sdn. Bhd.

Siti Hajar Che Man & Ratna Roshida Abd Razak. (2012). Penawaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: *Platform* utama ke arah memperkenalkan Tamadun Cina. *Jurnal Sosiohumanika*, 49-64. Bandung: Sekretariat ASPENSI, Komp. Vijaya Kusuma.

Zarina Muhammad. (2007). Pelaksanaan kaedah student-centred learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 141-166